

PROFIL

Yang Mulia John Wong Soo Kau

Lahir

Tarikh & Tempat: 6^{hb} Jun 1968, Karamunting, Sandakan

Iman Katolik

Pembaptisan: 14^{hb} Julai, 1968, St Mary's Church, Sandakan

Penguatan: 19^{hb} Ogos, 1979, St Mary's Church, Sandakan

Keluarga

Bapa: Paul Wong Shui Tshun, seorang penjaja yong taufu (kuah isi kacang) dan bebola ikan di pasar besar, Sandakan, meninggal dunia dalam tahun 1995 pada usia 75 tahun.

Ibu: Rose Chung Thiem Yin, seorang suri rumah yang menetap di Sandakan.

Adik beradik: John adalah anak ke 7 dari 11 orang adik beradik, mempunyai 5 orang saudara lelaki (Michael, Simon, Joseph, Vincent and Anthony) dan lima orang lagi perempuan (Maria, Anna, Mary, Imelda and Pracida), semuanya menetap di Sandakan.

Persekolahan

Sekolah Rendah: Cheng Ming Chinese Primary School, Sandakan (1974 - 1979)

Sekolah menengah: St Mary's Secondary School, Sandakan (1980 - 1986)

Latihan: Carmelite Spirituality, Teresianum Institute, Rome (2002 - 2004)

Pengalaman Pekerjaan

Jurujual, Hanamay Sdn Bhd (1987 - May 1990)

Kepaderian

Kursus Persediaan: Julai 1990 - Dec 1991 di Pusat Keuskupan Katolik, Penampang, Sabah

Pembentukan Seminari: Feb 1992 - Dis 1998 di St Peter's College, Kuching, Sarawak

Pelayanan Lektor: 7 April 1995

Pelayanan Akolyte: 20 Nov 1996

Pengalaman Pastoral:

1996 - St Dominic's Church, Lahad Datu;

1997 – St. John's Church, Tuaran

1998 - Sacred Heart Cathedral, Kota Kinabalu.

Pentahbisan Diakon: 8^{hb} Januari, 1998, Sacred Heart Cathedral, Kota Kinabalu oleh Bapa Uskup Datuk John Lee.


Pentahbisan Paderi: 21^{hb} Januari, 1999, St Mary's Church, Sandakan oleh Bapa Uskup Datuk John Lee.

Pelayanan

Pembantu Rektor: Januari 1999 - Jun 2002 di Sacred Heart Cathedral, Kota Kinabalu

Rektor: Sejak September 2004 di Catholic Diocesan Centre, Penampang;

Koadjutor Uskup Agung: Jun 2010 - Dilantik oleh Bapa Suci Paus Benedict XVI dan ditahbis pada 1^{hb} October 1, 2010 di Sacred Heart Cathedral, Kota Kinabalu.



Perkongsian ringkas oleh Yang Mulia John Wong tentang perjalanan imamatnya

[Diambil daripada Buku Pentahbisan Imamatnya bertarikh 21 Januari 1999]

Amsal 8:35 mengatakan, "Siapa mendapat aku, memperolehi kehidupan, kepadanya Tuhan berkenaan."

Sepanjang hidup saya, saya merasakan bahawa Tuhan tidak melupakan saya, hamba-Nya yang rendah hati. Dia sentiasa membimbing dan melindungi saya sepanjang perjalanan hidup saya. Saya dilahirkan dan dibaptis pada tahun 1968. Saya anak ke tujuh dalam keluarga sebelas orang anak dengan tiga orang abang, tiga orang kakak, dua orang adik lelaki dan dua orang adik perempuan. Saya membesar seperti kanak-kanak yang lain. Saya mendapat pendidikan biasa dari Darjah Satu hingga Tingkatan Lima. Selain belajar, saya terpaksa membantu ibu bapa di ladang mereka dan juga mengumpul kayu api untuk kegunaan keluarga serta membantu menjaga adik-adik saya.

Saya tidak pernah berniat untuk menjadi seorang paderi. Saya hanya ingin menjadi seorang guru yang sederhana, mengajar di mana-mana sekolah berhampiran rumah saya. Tetapi satu-satunya impian saya ini lenyap kerana keputusan S.P.M saya yang kurang baik.

Pada tahun 1984, semasa saya di Tingkatan Tiga, Rev. Father Chi telah ditukarkan ke Sandakan sebagai paderi paroki Gereja St. Mary. Sejak itu, kami mengadakan misa dalam bahasa yang berbeza. Melihat Father Chi bersendirian melayani di paroki yang begitu besar, saya merasakan ada satu keinginan dalam diri saya untuk membantu dia melayani umat. Saya percaya itulah saat yang Tuhan telah menabur benih-Nya dalam diri saya untuk melayani umat-Nya. Oleh itu, pemikiran untuk menjadi alat Tuhan untuk melayani umat-Nya "datang dan pergi" pada saya kerana saya terlalu takut untuk menyatakannya kepada orang lain.

Tambahan pula, tidak ada orang yang pernah menyatakan kepada saya apa itu paderi atau bagaimanakah kehidupan seorang paderi. Ia seolah-olah "perkara suci" kepada saya. Jadi, saya hanya boleh menyimpan pemikiran itu untuk diri saya sendiri dan tidak pernah berkongsi dengan orang lain. Selepas tamat Tingkatan Lima pada tahun 1986, saya bekerja sebagai jurujual mengelilingi Sabah selama tiga setengah tahun. Pada tahun-tahun ini, saya terlibat secara aktif dalam aktiviti koir dan belia di paroki saya sendiri. Pada masa inilah saya merasakan sekali lagi keinginan yang kuat untuk melayani di Gereja. Oleh kerana penguasaan bahasa Inggeris saya yang lemah, saya mula-mula terfikir untuk menjadi seorang katekis Cina sahaja. Kemudian saya diberitahu bahawa saya boleh belajar dan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris saya di Pusat Keuskupan Katolik di Kota Kinabalu. Dengan dorongan kuat daripada Father Chi, saudara dan saudari saya sendiri, dan juga rakan-rakan saya, saya memasuki seminari rendah di Pusat Keuskupan Katolik pada tahun 1990.

Semasa belajar bahasa Inggeris selama satu setengah tahun, perjuangan saya untuk menguasainya adalah satu penyiksaan yang nyata kerana bahasa Inggeris adalah subjek yang jarang saya lulus semasa zaman persekolahan saya. Tetapi dorongan dan sokongan daripada rakan-rakan dan rakan sekelas membantu saya untuk mengatasinya.

Pada Februari 1992, saya telah diterima masuk ke seminari tinggi di Kolej St. Peter, Kuching. Tujuh tahun pembentukan imam adalah benar-benar masa "rahmat" bagi saya. Di kolej, saya diberi maklumat dan dibentuk oleh kakitangan seminari. Yang paling penting ialah, sepanjang tahun ini, Tuhan, melalui kakitangan seminari, telah mendedahkan kepada saya tentang siapa saya dan apakah misi saya. Oleh itu, saya berterima kasih kepada Tuhan kerana cinta kasih-Nya dan juga berterima kasih kepada semua yang berperanan dalam pembentukan saya, dahulu dan sekarang, atas kesabaran dan dorongan mereka yang berterusan.

Mengimbas kembali "Panggilan" saya, saya merasakan bahawa Tuhan tidak pernah melupakan saya seperti yang dijanjikan-Nya (Ibr. 13:5). Saya sangat yakin dengan doa dan dorongan daripada ahli keluarga saya, kawan-kawan saya serta saudara seminari saya semasa perjalanan pembentukan imam saya. Pentahbisan saya kepada imamat adalah benar-benar anugerah cinta kasih Tuhan. Ia akan menjadi permulaan kehidupan baru saya yang memerlukan sokongan dan doa anda yang berterusan.

Puji Tuhan!!

JOHN WONG SOO KAU



Perjalanan imamatnya diteruskan ke Pentahbisan Uskupnya

[Diambil daripada Buku Pentahbisan Keuskupan 1 Oktober 2010]

Allah bekerja dalam cara yang penuh misteri.

Yang Mulia John Wong, pada mulanya terkejut dengan perlantikan, menerima kehendak Allah untuk menjadi Koadjutor Uskup Agung.

Perlantikan Yang Mulia John Wong Soo Kau untuk menjadi Koadjutor Uskup Agung Kota Kinabalu di Sabah merupakan satu kejutan besar bagi ramai orang, termasuk dirinya sendiri.

Ketika itu, dia bergegas ke Rumah Retret Bundu Tuhan di Kundasang pada 7hb Jun 2010, sehari selepas menyambut harijadinya yang ke 42, untuk menghadiri seminar selama seminggu di sana. Di antara surat yang belum dibuka dibawanya adalah surat bercap pos Bangkok, kota dimana terletaknya pejabat Wakil Apostolik Paus Benediktus XVI.

Setiba di Bundu Tuhan, dia mmencari waktu untuk membaca surat tersebut dan telah terkejut oleh kandungannya, yang memaklumkan perlantikannya. Dia berada dalam kekeliruan selama hampir dua hari sebelum dia mendapat kekuatan untuk menjawab.

“Ini adalah mustahil,” fikirnya. “Terdapat ramai lagi yang berkebolehan, mempunyai keupayaan dan bahkan lebih tua atau senioriti, dan lagi pun saya sepatutnya kembali ke Sandakan dan melayani di Keuskupan di sana.

“Sebenarnya, saya telah mula menghantar beberapa milik peribadi saya ke sana dan hendak mula bertugas dalam bulan Julai. Fikiran saya telah ditetapkan ketika itu semasa tiba-tiba surat ini sampai membuatkan saya bertanya, ‘Adakah ia benar?’ Saya kebingungan.”

Walau bagaimanapun, selepas membuat meditasi dan kontemplasi, Fr John Wong akhirnya mendapat kekuatan untuk menerima kehendak Bapa. Devosinya kepada Bonda Perawan Maria, Bonda Yesus dan Bonda kita, telah memberikan dia pemahaman mendalam akan makna ketaatan.

Dia mengikuti jejak Maria dan menjawab, "Semoga terjadilah menurut perkataan Mu," sungguhpun dia tidak dapat memahami sepenuhnya peristiwa yang tersembunyi dihadapannya. Dia seperti Maria menyimpannya dalam hatinya, menarik nafas panjang dan berkata "Ya!". Kemudian dia memberitahu seorang wartawan Katolik bahawa dia telah berdoa kepada Allah memohon kekuatan, supaya dia dapat melayani dengan baik dalam pelayanan pastoral barunya.

Pentahbisan Keuskupan Yang Mulia John Wong

Kekuatan awalnya itu dapat difahami; lagi pula dia baru berusia 42 tahun dan sudah lebih 10 tahun menjadi paderi. Bahkan semasa dia masih remaja, dia lebih selesa melayani daripada menjadi seorang pemimpin. Selain itu, memang benar bahawa terdapat paderi lain dalam keuskupan agung yang sama lebih tua dan berpengalaman bahkan mungkin dari segi pengetahuan dan kecerdasan.

Ia merupakan satu lagi peristiwa dalam Gereja Tempatan melalui mana Allah memperlihatkan bahawa Dia bekerja dalam cara yang penuh misteri. Cara Dia memilih, sejak pemilihan Raja Daud pada zaman dahulu hingga ke masa kini adalah melalpaui pemahaman manusia.

Pembentukan Iman

Dia mengenangkan kembali dalam temubual baru-baru ini bahawa pengaruh besar dalam pembentukan iman Katoliknya semasa kanak-kanak adalah ibunya, Rose Chung Thiem Yin.

Koadjutor Uskup Agung baru Keuskupan Agung Kota Kinabalu ini adalah anak ke 7 dari 11 orang adik beradik, sama besar jumlah pasukan bola sepak, mempunyai 5 orang adik beradik lelaki dan lima orang adik beradik perempuan. Dia adalah anak lelaki ke empat dari enam orang lelaki. Keluarga Wong meraikan harijadi ibu (Rose) pada tahun 1994 di rumah keluarga lama.

"Ibu membesarkan kami dalam iman. Dia dengan setianya membawa kami ke Gereja untuk menghadiri Misa Minggu sungguhpun ia dalam bahasa Inggeris. Dia amat setia dalam memastikan bahawa semua kami 11 orang adik beradik akan menghadiri Misa Minggu, menaiki bas ke Gereja St. Mary, yang sekarang adalah Katedral."

"Ini amat memeranjatkan saya. Oleh kerana kami ramai dan takut bahawa ada di antara kami akan tersesat di tengah-tengah orang ramai, dia mengumpulkan kami dan meninggalkan gereja mendahului yang lain sejurus selepas Komuni, sebelum pemberkatan terakhir," katanya.

Dia memastikan bahawa semua kesebelas anaknya dibaptis. Berhubung dengan Fr. John, dia dilahirkan pada 6th Jun 1968, dibaptis ketika berumur lebih satu bulan oleh Fr. Michael Mewo dan dia menerima Sakramen Penguatan pada umur 11 tahun.

Di antara Paderi Paroki di Sandakan pada ketika itu adalah Fr. Thomas Sham dan Fr. John Lee, yang sekarang Uskup Agung Emeritus Keuskupan Agung Kota Kinabalu. Apabila Fr. Tobias Chi datang ke Paroki St. Mary, dia menekankan perlu ada Misa Minggu dalam bahasa Mandarin.

“Pada masa itu juga Fr. Chi mulai menggalakkan kegiatan dalam bahasa Cina, termasuk perkembangan Liga Wanita Katolik, kegiatan belia, kelompok doa dan Legio Maria.”

“Ini amat sesuai dengan saya, kerana saya hanya tahu bahasa Cina dan lazimnya lebih cenderung untuk menyertai kegiatan-kegiatan dalam bahasa Cina. Saya mula melibatkan diri, terutama dalam belia dan koir bahasa Cina.”

Panggilan Awal

Semasa John, seorang remaja, berada dalam Tingkatan 2, dia berfikir dengan serius mengenai masa depan. Dua pemikiran utama muncul dalam fikirannya. Satu adalah untuk menjadi seorang paderi dan yang satu untuk berumahtangga.

Fr. Chi, Paderi Paroki St. Mary pada masa itu, merupakan pengaruh besar ke atas pertimbangan John terhadap panggilan kepaderian. “Dia seseorang, mengendalikan komuniti Katolik yang berbilang bangsa. Macam mana pun, saya hanya mempunyai hasrat untuk membantu dia untuk melakukan sesuatu, apa juga yang dia suruh saya akan melakukannya. Saya suka untuk melayani, bukan untuk menjadi pemimpin,” Fr. John katakan semasa temubual.

Jadi, suka atau tidak, selepas pentahbisan pada 1hb Oktober 2010, dia akan menjadi Koadjutor Uskup Agung, untuk menjadi gembala bagi seluruh kawanan apabila Uskup Agung John Lee bersara kelak.

Salah satu lagi segi perwatakan Fr. John Wong adalah dia seorang yang kurang bercakap, lebih suka menunjukkan pelayanannya melalui perbuatan dan bukan perkataan. “Saya merasakan pelayanan sedemikian banyak membantu saya. Apa yang lebih penting adalah perbuatan berbicara lebih kuat daripada perkataan,” katanya. Sikap tersebut kelihatannya bakal menjadi identiti Koadjutor Uskup Agung baru ini.

Dua idea dengan jelas memenuhi fikirannya ketika itu. Semasa dia terlibat secara aktif dalam belia dan koir bahasa Cina di Gereja, teman wanitanya juga melakukan hal yang sama. Berhubung dengan pilihan kedua untuk berumahtangga, dia bahkan telah memikirkan untuk mendapat 6 orang anak.

Bagi hidup berumahtangga, dia akan mengambil bidang mengajar sebagai pekerjaannya. "Saya suka menjadi seorang guru, suka untuk mengajar. Ada seorang guru bernama Lilian (bekas guru di Sekolah Menengah St. Mary) mengilhamkan saya."

Dia bahkan membuat perkiraan pendapatan seorang guru dan membuat perhitungan bahawa dengan gaji seorang guru dia boleh mengumpulkan wang yang cukup untuk berkahwin pada umur 28 atau 29 tahun.

Semasa dia meneruskan pembelajarannya di sekolah menengah, idea berkahwin semakin kuat. Dia telah lulus peperiksaan Tingkatan Tiga dan memasuki aliran Sains di menengah atas.

Pentahbisan Keuskupan Yang Mulia John Wong

Cita-citanya untuk menjadi seorang guru perlahan-lahan menghilang, dan timbul keinginan untuk menjadi seorang doktor. Apakah yang telah mendorong dia berubah fikiran? Wang! Dia boleh memperolehi banyak wang sebagai seorang doktor.

Sementara itu, cita-cita hidup menjadi seorang paderi masih ada tetapi tersembunyi. Namun, yang menghairankan, selama dua tahun itu semasa anak muda John berada di Tingkatan Empat dan Lima, dia kekal bergiat aktif dalam kegiatan Gereja sehingga ibunya, Rose mengatakan kepada dia, "Gereja sudah menjadi rumah kamu dan rumah kamu adalah seperti hotel kepada kamu."

Berurusan dengan Allah

Kemudian, apabila Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) semakin dekat, anak muda John kerisauan. Dalam semua peperiksaan penggalnya, dia tidak pernah lulus ujian Bahasa Malaysia. Dia sentiasa lemah dalam mata pelajaran tersebut selama berada di Tingkatan IV dan V.

"Saya boleh buat dengan baik dalam mata pelajaran yang lain, seperti sains, matematik dan geography, tetapi BM selalu menjatuhkan saya," dia mengingatnya. Beberapa bulan sebelum peperiksaan SPM, idea memilih panggilan kepaderian timbul semula.

John sebelumnya telah diberitahu bahawa salah satu syarat ketat untuk dilatih menjadi seorang paderi adalah lulus dalam SPM dengan pangkat II. Ini bermakna dia harus lulus dalam BM. Ia sesuatu yang mustahil bagi dia. Jadi dia berurusan dengan Allah! "Sekiranya ia adalah benar-benar panggilan Mu bagi saya kepada kepaderian, benarkanlah saya lulus sekurangnya pangkat II dalam peperiksaan SPM yang akan datang," dia katakan kepada Allah.

Dia menduduki peperiksaan tersebut dalam tahun 1986 dan sementara menanti keputusan, dia mula berkerja sebagai jurujual dalam jualan langsung yang tidak mempunyai gaji asas, hanya diberi komisen berdasarkan jumlah jualan sebenar.

"Ia bukanlah satu kerja yang mudah, terpaksa pergi dari rumah ke rumah dan membuat perjalanan tanpa henti dari bandar ke bandar di Sabah. Selepas tiga tahun setengah, saya memperolehi banyak pengalaman hidup," katanya.

Pada bulan Mac, Mary, kakak ketiganya menghubungi dia semasa dia sibuk membuat promosi jualan di Kota Kinabalu, memaklumkan bahawa dia telah lulus SPM dengan pangkat II.

John tentunya mengingati "urusan" yang telah dia buat dengan Allah, tetapi wujud bentuk halangan untuk menerimanya.

Ia kembali ke Sandakan dan mahu melihat sendiri sijil itu dan untuk melihat dengan matanya sendiri sekiranya dia benar-benar telah lulus peperiksaan tersebut. Sungguhpun demikian, dia teruskan dengan kerjanya sebagai jurujual.

Dorongan terakhir

Dia terus berkerja selama dua tahun lagi selepas kembali ke Sandakan dimana dia telah kembali bergiat aktif dalam Gereja. Dalam tahun 1988, Stella Yong, seorang katekis, telah ditempatkan disana untuk membantu Fr. Chi dalam kerja pastoral dengan komuniti bahasa Cina di St. Mary. "Saya mahu menjadi seperti dia, melayani seperti dia dan saya telah katakan kepada dia," kata John. Tetapi jawapan dari Stella, yang mendapat latihan sebagai katekis di Taiwan, memberitahu dia, "Pada masa sekarang, kami tidak mempunyai katekis lelaki bagi komuniti bahasa Cina di Sabah, hanya di Taiwan sahaja. Mengapa engkau tidak menjadi seorang paderi pula?" Stella tidak begitu mengetahui bahawa John telah mempertimbangkan menjadi seorang paderi sebagai satu daripada pilihan hidupnya.

Pada masa tersebut, Fr. Nicholas Ong, sekarang ini sebagai Vikaris Jeneral Keuskupan Sandakan, bertugas di Kolej St. Peter, seminari tinggi di Kuching. Semasa salah satu lawatan pulanginya ke Sandakan, Stella mengatur perjumpaan Fr. Ong dengan John di rektory St. Mary.

Fr. Ong meminta John membaca satu petikan dari suratkhbar bahasa Inggeris dan kemudian bertanya: “Adakah engkau memahami apa yang ia katakan?” John menjawab, “Tidak!” John mengakui bahawa disepanjang hidup persekolahannya dari darjah satu hingga tingkatan V, dia tidak pernah lulus dalam matapelajaran Bahasa Inggeris.

Fr. Ong kemudian menasihati anak muda Katolik tersebut yang berasal dari Sandakan juga untuk pergi ke Pusat Keuskupan Katolik di Penampang untuk mempelajari bahasa Inggeris.

Beberapa bulan selepas lawatan tersebut, Fr. Ong mengutus surat kepada John, mengatakan, “Semoga engkau dalam keadaan baik,” beranggapan bahawa dia telah mengikuti nasihatnya dan mempelajari bahasa Inggeris di CDC. Surat tersebut mempunyai kesan aneh terhadap John dan membuat dia benar-benar merenungi untuk membuat keputusan terakhir, mahu pergi atau tidak.

Mengenangkan kembali enam bulan tersebut dari bulan Januari 1990, Fr. John berkata, “Banyak perkara telah terjadi dan ia merupakan satu perjuangan sebenar.” Akhirnya, dalam bulan Julai tahun tersebut, dia mengatakan “Ya!” dan memberitahu Fr. Chi, yang pergi ke Kota Kinabalu dan bercakap kepada Fr. Jan Van Der Salm yang merupakan rektor CDC pada ketika itu. Fr. Chi diberitahu bahawa sekiranya itulah niat John, jadi dia haruslah bertindak secepat yang mungkin.

Rancangan John adalah untuk memasuki kursus latihan aspiran secara diam-diam. Apabila dia menyampaikan cadangan ini kepada abang tuanya, Michael, ia dengan hambar menolaknya, menasihati adik mudanya bahawa dia hendaklah melakukan sedemikian dengan betul dan menyerahkan segala-galanya sebelum bertolak. Kerana, pada masa itu dia adalah seorang pemimpin belia komuniti bahasa Cina di St. Mary. Dia harus menyerahkan tanggungjawab pelayanan belia kepada seseorang sebelum pergi.

Keizinan ibubapa

Ibubapanya kurang senang dengan idea itu pada mulanya. Ibunya berkata, “Sekiranya engkau mahu menyertai, bicaralah dengan bapamu,” dan John memahaminya sebab dia tidak menyetujuinya. Reaksi bapanya lebih jelas lagi, “Sekiranya engkau mahu, dapatkanlah dahulu dua tempat bagi kami di Rumah Orang Tua-tua.” Michael, abang tuanya mengetahui pandangan ibubapa mereka ini.


John teruskan juga dengan keputusannya. “Saya tidak tahu dari mana saya mendapat kekuatan tersebut,” dia akui. Dia menyelesaikan hal-hal berhubung dengan pelayanan belia tetapi tidak memberitahu teman wanitanya, yang dia anggap seorang yang matang.

Dia telah memberitahu John kemudiannya, apabila dia sudah menjadi seorang seminarian, "Saya tahu perangai engkau. Apabila engkau mahu melakukan sesuatu, engkau akan melakukannya. Saya akan merestui mu dan berdoa bagi mu." Dia sekarang sudah berumah tangga.

Selepas beberapa tahun, ibubapanya menerima cita-cita kepaderian John. Dia berdoa bagi mereka dan akan melawati mereka semasa cuti tahunannya.

Dia mengingat kembali pada bulan Jun 1995, bapanya berada di Lapangan Terbang Sandakan menghantarnya pergi untuk belajar di Kuching, dan memberitahu dia, "Sekiranya engkau mahu belajar, belajarlah dengan baik!"

Di dalam perkataan tersebut, John melihatnya sebagai keizinan bapanya bagi dia untuk menuruskan kepaderiannya. Dia memulakan tahun pertama dalam pelajaran teologi dan bapanya meninggal dunia tidak lama kemudian selepas terjatuh dalam bulan Oktober tahun yang sama pada usia 75 tahun.



25 tahun perjalanannya dalam Pelayanan

Semasa temu bual singkat dengan dia pada 30^{hb} November 2023, Uskup Agung John Wong Soo Kau berkongsi cabaran dan pengalaman berikut.

25 tahun hidup sebagai paderi. Bagaimana ia menjadi sesuatu yang lebih daripada perjalanan biasa untuk anda?

Tidak ada perjalanan yang hanya berjalan lancar. Jika ia hanya kebangkitan dan kejatuhan sahaja, ia akan menjadi sangat membosankan. Tetapi itu tidak semestinya bermakna ia adalah perkara yang negatif. Kebangkitan dan kejatuhan ini akan menjadikan hidup lebih menarik.

Sebagai contoh, saya bersama dengan Aspirants selama enam setengah tahun di CDC. Pada masa tersebut, apabila pelajar tidak bertindak balas dengan baik, secara semulajadi anda akan merasa kecewa dan marah, tetapi adakah anda akan menganggapnya "kejatuhan"? Atau apabila sebagai Uskup, apabila anda menganjurkan acara Keuskupan dan ada yang tidak mahu mengambil bahagian atau tidak bertindak balas. Sememangnya ia amat mengecewakan tetapi itu bukan penghalang untuk terus maju kerana terdapat paroki lain yang bersemangat untuk bersama-sama. Dan adakah anda akan menganggapnya negatif/kejatuhan? Jadi "kebangkitan atau kejatuhan", ia adalah sebahagian daripada kehidupan. Ia memerlukan kesabaran.

Apakah cabaran utama anda sebagai Uskup Agung?

Cabaran utama adalah untuk tetap setia dan pada masa yang sama kekal rendah diri. Oleh kerana Tuhan telah setia membimbing saya selama 25 tahun, saya juga ingin membalas dengan kesetiaan. Saya berusaha untuk tetap setia dalam kehidupan doa saya. Menjalani kehidupan kepaderian saya sebagai Uskup sepenuhnya merupakan cabaran yang terbesar.

Sebagai seorang Uskup, anda perlu menjadi gambar bapa, mencerminkan Bapa di Syurga kita dan ini bukanlah satu tugas yang mudah. Saya perlu banyak bersabar dan penuh belas kasihan. Bersikap belas kasihan sambil memastikan pematuhan sememangnya tidak mudah.

Kadang-kadang sebagai gambar bapa, anda cenderung menjadi reaktif bukannya responsif. Tetapi pada penghujung hari, saya sentiasa percaya bahawa apa juga tindakan atau keputusan yang telah saya buat, ia sentiasa dipimpin oleh Roh Tuhan. Saya mungkin telah membuat keputusan itu secara tidak bersalah tetapi bukan secara jahil; Tidak bersalah dalam membenarkan/adalah untuk membenarkan Roh Kudus membimbing saya.

Mengapa saya katakan bahawa perjalanan saya telah dipimpin selama ini adalah kerana sebelum saya menyertai Seminari, Allah telah mempersiapkan saya. Saya seorang yang

sangat introvert dan selepas tamat persekolahan menengah, saya sebenarnya bekerja sebagai jurujual yang mengetuk dari rumah ke rumah. Pekerjaan ini tidak mempunyai gaji tetap hanya berdasarkan komisen semata-mata. Tiada jualan, tiada gaji! Saya melakukan ini selama 3.5 tahun dan mengimbas kembali, ini adalah cara Allah mempersiapkan saya untuk perjalanan kepaderian saya di mana saya tidak mampu menjadi seorang introvert.

Kami tahu anda hampir tidak mempunyai masa lapang. Dengan masa lapang yang sedikit, bagaimanakah anda menggunakan masa tersebut?

Saya tidak begitu bersetuju dengan soalan itu kerana Allah memberikan kita semua masa sama rata 24 jam sehari. Ia bergantung kepada pengurusan masa kita. Jika anda mengatakan anda tidak mempunyai masa lapang langsung maka mungkin anda tidak menguruskan masa anda dengan baik. Saya rasa kita mempunyai sekurang-kurangnya 30 minit masa lapang dalam sehari.

Apabila saya mempunyai masa lapang, selain berdoa, saya suka berolahraga. Sebenarnya saya hampir ketagihan berolahraga. Dahulu saya suka bermain badminton, bola sepak, dan futsal, namun akhir-akhir ini sejak pandemik, saya berjogging, berjalan kaki, dan mendaki gunung. Dan sambil berjogging atau berjalan kaki saya juga meluangkan masa untuk berpikir dan merenung. Sedangkan untuk mendaki gunung, ia hampir seperti retret pribadi bagi saya.

Untuk membantu saya menjalani hidup dengan lebih lancar, saya juga mempunyai kawan-kawan terdekat yang terdiri daripada umat awam baik lelaki maupun perempuan. Ini selain daripada kalangan Presbiteral resmi yang saya ada. Bagi saya, persekutuan seperti ini penting, untuk membuat saya tetap merendah diri dan menjadikan diri saya sederhana!

Adakan sebarang pesanan khas untuk semua yang bersama-sama dengan anda meraikan pencapaian anda ini?

Seruan Perjalanan Sinodal begitu tepat pada masa ini kerana dalam perjalanan ini, Paus menyebut tentang Penyertaan, Persekutuan dan Misi. Tidak kira apapun jawatan yang anda pegang dalam Gereja, tidak kira besar atau kecil, kita perlu berjalan bersama. Misi untuk semua yang dibaptis adalah untuk mengambil bahagian dan apabila anda mengambil bahagian, anda berada dalam persekutuan antara satu sama lain.

Selain itu, Paus juga mengatakan bahawa apabila anda pergi untuk misi, kita perlu melebarkan khemah untuk menjadi gereja inklusif, bukan eksklusif.

Jadi, pada dasarnya, marilah kita berjalan bersama-sama.